# KENYATAAN MEDIA

**Untuk siaran segera**

## PERINGATAN TARIKH AKHIR BAYARAN POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB) SARAAN BULAN MEI 2018 DAN ANSURAN ANGGARAN CUKAI (CP500) BAGI BORANG B TAHUN TAKSIRAN 2017

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin mengingatkan pembayar cukai bahawa tarikh akhir untuk membuat bayaran Potongan Cukai Bulanan (PCB) bagi saraan Bulan Mei 2018 dan bayaran ansuran anggaran cukai (CP500) bagi Borang B Tahun Taksiran 2017 adalah pada **15 Jun 2018** (Jumaat) bersamaan dengan 1 Syawal 1439H.

Memandangkan tarikh akhir tersebut jatuh pada hari kelepasan am iaitu Hari Raya Aidilfitri, LHDNM menggalakkan agar pembayaran cukai dilakukan lebih awal melalui perbankan internet atau melalui ejen-ejen kutipan LHDNM bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

LHDNM mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

---

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21676 **|** 🖷 : 03-8313 7801
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

**Tarikh: 11 Jun 2018**